

23 NOV 1999

Hishammuddin-DAP

DAP BERSEKONGKOL DENGAN YAHUDI, KATA HISHAMMUDDIN

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata parti DAP mempunyai hubungan dengan kerajaan Israel melalui penglibatannya dalam satu pertubuhan sosialis antarabangsa.

Beliau berkata, DAP adalah anggota penuh Pertubuhan Sosialis Antarabangsa yang merupakan sebuah pertubuhan parti politik yang mewakili pelbagai parti sosialis di seluruh dunia.

"Demi memperjuangkan negara, bangsa dan agama, Pergerakan pemuda Umno rasa terpanggil untuk memberitahu rakyat Malaysia bahawa Pertubuhan Sosialis Antarabangsa turut disertai oleh Parti Buruh Israel di bawah pimpinan Ehud Barak dan juga parti Merezit dari negara Yahudi itu," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Hishammuddin yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama sebelum itu mendedahkan perkara itu pada majlis perjumpaan dengan masyarakat Cina di Kluang, Johor.

"Yang lebih memilukan kami, PAS, Keadilan dan PRM dalam keadaan terdesak untuk menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN) sanggup bergabung dengan DAP untuk mewujudkan sebuah barisan pembangkang dalam pilihan raya umum kali ini," katanya.

Beliau berkata kesanggupan pemimpin PAS menggugurkan slogan negara Islam kerana mahu bergabung dengan DAP membuktikan PAS sanggup diperalat bagi mengabui mata umat Islam walaupun sebelum parti itu menuduh kerajaan BN mempunyai agenda rahsia untuk menjalinkan hubungan dengan Israel.

"Taktik kotor mereka ini antara lain bertujuan menanamkan kebencian di kalangan umat Islam terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan BN.

"Pergerakan Pemuda Umno menyeru semua rakyat Malaysia yang cintakan kestabilan, keharmonian dan perpaduan ciptaan kerajaan BN agar terus memberikan mandat mereka supaya masa depan negara dan generasi akan datang terus terjamin," katanya.

-- BERNAMA

NM PR